

Jangan leka dengan kejayaan ekonomi

Ⓟ
KUALA LUMPUR 5 Jun — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, rakyat negara ini tidak harus leka dan berpuas hati dengan kejayaan ekonomi negara kerana tanggungjawab menentukan ekonomi terus berkembang adalah tanggungjawab semua pihak.

Sehubungan itu, Perdana Menteri menegaskan, semua pihak perlu memaikan peranan yang berkesan untuk terus mengawal inflasi kerana jika tidak dikawal ia akan memberi kesan negatif kepada negara.

Beliau berkata, bagi tujuan tersebut, rakyat boleh memainkan peranan dengan berjimat cermat dan mengurangkan perbelanjaan di samping menambahkan kadar simpanan mereka.

"Para pekerja juga boleh membantu dengan tidak menuntut kenaikan gaji yang berlebihan kerana sebarang kenaikan yang tidak selaras dengan peningkatan produktiviti dan kecekapan, akan menyebabkan inflasi dan mensia-siakan pendapatan yang bertambah," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian semasa berucap pada majlis menghadap dan pengurniaan darjah kebesaran sempena ulang tahun Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara, di sini, hari ini.

Dr. Mahathir berkata, bagi pihak kerajaan, langkah-langkah yang sesuai telah diambil untuk memastikan inflasi terkawal di samping meneruskan dasar-dasarnya untuk mengurangkan perbelanjaan dan berjimat cermat selaras dengan pendapatan negara.

Prestasi

Menurut beliau, walaupun ekonomi negara terus menunjukkan prestasi yang menggalakkan, kerajaan sedar banyak lagi usaha perlu dijalankan bagi memastikan negara terus maju dan makmur.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan telah menggariskan dasar-dasar dan arah pembangunan sektor-sektor penting seperti pembangunan perindustrian, pertanian, pelancongan, alam sekitar, sains dan teknologi.

Perdana Menteri berka-

ta, kerajaan akan terus mengamalkan dasar pelaburan yang liberal untuk menggalakkan pelaburan asing dengan memperbaiki lagi kemudahan-kemudahan infrastruktur yang diperlukan.

Usaha-usaha juga, katanya, akan diteruskan bagi meningkatkan lagi keupayaan pekerja daripada segi produktiviti, kecekapan dan daya saing memandangkan kelebihan yang ada pada negara hanyalah kos pekerja yang rendah berbanding dengan negara-negara maju.

Dr. Mahathir berkata, "Dengan tidak mempunyai teknologi sendiri, modal dan pasaran dalaman yang mewah, kenaikan kos pekerja akan menghapuskan 'competitive edge' kita.

"Justeru itu, adalah penting pekerja tidak dihasut oleh kesatuan-kesatuan sekerja asing supaya menuntut upah yang berlebihan," katanya.

Beliau juga berkata, langkah menggalakkan pe-

■ Lihat muka 4

- DR. M

Mn. M. - 6 JUN 1993

Jangan leka dengan kejayaan ekonomi — Dr. M

lancongan juga merupakan satu strategi menambah pendapatan negara kerana bidang itu dijangka dapat mewujudkan lebih banyak pekerjaan, pendapatan serta pewujudan pelbagai rangkaian dengan sektor-sektor lain dalam pembangunan ekonomi negara.

"Tahun ini merupakan tahun penting bagi negara menggerakkan usaha ke arah mencapai cita-cita menjadi negara maju," kata Dr. Mahathir.

Katanya, cita-cita tersebut boleh dicapai jika semua pihak iaitu kerajaan, rakyat dan swasta berganding bahu dan bekerja rapat ke arah itu, di samping mempunyai sikap yang komited terhadap keinginan memajukan negara.

Selain itu, katanya, mereka juga perlu menanam sikap rajin berusaha, berdisiplin tinggi dan dedikasi terhadap kerja.

Perdana Menteri berka-

ta, kerajaan berasa bangga kerana Yang di-Pertuan Agong, Sultan Azlan Shah menitikberatkan soal perjalanan jentera kerajaan serta kebajikan rakyat.

Kesediaan baginda menghadiri dan mendengar taklimat oleh jabatan kerajaan katanya, memperlihatkan kesungguhan baginda untuk mendalami selok-belok dan dasar-dasar kerajaan.

Dr. Mahathir berkata,

kerajaan dan negara juga turut menghargai minat baginda mengambil berat hubungan antarabangsa dan dalam hal ini lawatan-lawatan baginda ke luar negara telah membantu Malaysia menjalin hubungan rapat dengan dunia luar.

"Kerajaan ingin menyatakan bahawa Malaysia akan sentiasa memainkan peranan yang cergas di peringkat antarabangsa tanpa segan dan takut," tambah beliau.